

18/01/2001

Pak Lah mahu menteri baru buat yang terbaik

Kadir Dikoh; Zulkofli Jamaludin; Nadzim Ahmad Jamalludin; Teh Kean Kiat
KUALA LUMPUR, Rabu - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berharap menteri, timbalan menteri dan setiausaha parlimen baru dapat memberi sumbangan terbaik bagi menjayakan dasar-dasar kerajaan.

Timbalan Perdana Menteri berkata, sebagai anggota kerajaan, mereka mempunyai peranan atas pembentukan apa juga dasar baru untuk dilaksanakan.

Beliau menyifatkan pelantikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad itu meneruskan tradisi melantik golongan tokoh agama dalam Kabinet.

"Tradisi diteruskan dan salah seorang yang dilantik sebagai menteri ialah Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam.

"Tentu sekali dia (Datuk Abdul Hamid Zainal Abidin) amat memahami dasar yang dipegang kuat kerajaan dan membolehkan merancang program lain untuk dilaksanakan," katanya mengulas pelantikan itu hari ini.

Abdullah ditemui pemberita sebelum mempengerusikan mesyuarat Pengurusan Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini hari ini.

Sementara itu, Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim), Datuk Abdul Hamid Zainal Abidin, 57, menyifatkan pelantikannya sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) sebagai pengiktirafan kepada golongan ulama dan cendekiawan Islam.

Serentak itu, beliau melahirkan rasa syukur dan berterima kasih kepada Dr Mahathir kerana memberi kepercayaan kepada beliau untuk menjawat jawatan berkenaan.

"Memang di luar dugaan... saya tidak pernah berkhayal untuk menjadi menteri Kabinet," katanya ketika ditemui di Jakim.

Abdul Hamid berkata, beliau akan cuba melaksanakan sepenuhnya program yang dirancang bekas Menteri, Datuk Paduka Dr Abdul Hamid Othman untuk meningkatkan syiar Islam.

Beliau berkata, pelbagai pendekatan untuk membangunkan Islam boleh digunakan bagi meningkatkan pentadbiran agama dan pendidikan Islam di kalangan rakyat.

Anak kelahiran Bagan Datoh, Perak itu adalah pemegang ijazah sarjana perundangan Islam Takhassus dalam siasah syariah Universiti al-Azhar.

Beliau sebelum ini pernah menjawat jawatan Pengarah Kor Agama Angkatan Tentera (Kagat) Kementerian Pertahanan dari 1986 hingga 1995; Pengetua Maktab Perguruan Islam Lembah Pantai (1984-1986) dan Penolong Pengarah Kanan Hal Ehwal Pelajar Kementerian Pendidikan (1982-1984).

Sementara itu, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Shahrizat Abdul Jalil menyifatkan pelantikannya adalah penghargaan Perdana Menteri dan kerajaan kepada sumbangan wanita kepada pembangunan.

Serentak itu, beliau yang juga Naib Ketua Wanita Umno berkata, pelantikannya adalah satu pengiktirafan Dr Mahathir kerana wanita menguasai lebih separuh daripada tenaga kerja tempatan.

"Pelantikan saya adalah penghargaan Perdana Menteri dan kerajaan kepada sumbangan wanita kepada pembangunan negara. Saya mengucapkan berbilang terima kasih.

"Saya akan bekerjasama rapat dengan pertubuhan bukan kerajaan. Bagi saya yang penting adalah kerja berpasukan. Saya akan menumpukan kepada usaha memperbaiki dasar termasuk pendidikan wanita mengenai hak mereka dan mewujudkan program berkaitan," katanya yang juga Ketua Wanita Umno Wilayah Persekutuan.

Pengerusi Badan Perhubungan Umno Wilayah Persekutuan, Senator Datuk

Tengku Adnan Tengku Mansor pula menyifatkan pelantikan beliau sebagai Timbalan Menteri di JPM akan mengukuhkan Umno Wilayah Persekutuan.

Beliau berkata, pelantikannya dan Shahrizat sebagai menteri penuh memberi kekuatan baru berikutan kini ada seorang menteri dan dua timbalan menteri di Wilayah Persekutuan.

"Umno Wilayah akan lebih mantap dan ini akan dapat memperkukuhkan Umno dan meneruskan perjuangan parti bagi mencapai wawasan yang diilhamkan Perdana Menteri," katanya.

Tengku Adnan yang juga Setiausaha Kerja Umno dilantik sebagai Senator sejak 13 Disember 2000.

Presiden Parti Progresif Penduduk Malaysia (PPP), Datuk M Kayveas, yang dilantik sebagai Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan turut mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri.

"Sudah 11 tahun ahli PPP menunggu pelantikan seperti ini dengan penuh kesabaran dan kini penantian mereka membuahkan hasil," katanya.

Katanya, beliau akan membantu Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Ong Ka Ting meningkatkan prestasi bagi memantapkan kementerian itu.

Anak kelahiran Benta, Pahang itu berkelulusan Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA) University of Hull pada 1994 dan memegang Ijazah Undang-Undang (LLB) di University of Buckingham, mulai 1982 hingga 1985.

Sementara itu, Senator Datuk Zainuddin Maidin berterima kasih kepada Perdana Menteri atas pelantikan itu.

"Saya akan berusaha bersungguh-sungguh bagi menjamin aliran berita disebar dengan adil. Setakat ini saya tidak dapat mengatakan ada perancangan. Ini bergantung kepada perancangan Menteri dan Timbalan Menteri.

"Tugas pertama saya adalah melaksanakan langkah, yang saya kira drastik dan radikal, yang diumumkan oleh Kementerian Penerangan," katanya.

Beliau juga berterima kasih kepada Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang memberikan kepercayaan kepadanya.

"Saya rasa kementerian ini bersesuaian dengan saya. Saya berharap dapat menggunakan sebanyak mungkin pengalaman lebih 40 tahun dalam bidangewartawanan untuk meningkatkan lagi keyakinan orang ramai kepada kredibiliti Radio Televisyen Malaysia (RTM).

"Di samping itu, saya akan bekerjasama dengan Menteri Penerangan untuk meningkatkan imej RTM ke arah mencerminkan masyarakat berbilang kaum dengan identiti negara.

"Saya juga berterima kasih kepada Utusan Melayu yang telah menjadi universiti pada saya selama lebih 40 tahun," katanya.

Bekas Ketua Pengarang Kumpulan Utusan Melayu yang lebih dikenali sebagai Zam itu, akan berlepas ke Washington esok bagi menghadiri pelantikan George W Bush sebagai Presiden Amerika atas undangan Parti Republikan.

Sepanjang kerjayanya beliau pernah menghasilkan banyak buku, termasuk buku mengenai Perdana Menteri.

(END)